



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Pilihan raya takutkan siswa

SOALAN

DENGAN skenario politik yang saya lihat di blog, televisyen, akhbar, fitnah, saman dan demonstrasi, saya takut dan bimbang. Rakan sekuliah mengatakan pilihan raya (PRU 13) bakal menjadi pilihan raya yang paling menakutkan dan mencabar. Boleh menghancurkan negara, memang seram sejuk.

Jika ini benar berlaku, bagaimana pelajar universiti seperti saya hendak memilih pemimpin

yang sesuai untuk negara. Pelbagai persoalan yang menakutkan bermain di dalam kepala saya seperti siapakah pemimpin yang perlu dipilih nanti? Adakah akan wujud politik demokrasi yang baik dan sebagainya.

Jika ya, bagaimana saya perlu menangani politik demokrasi ini dengan baik? Bantulah saya.

Siswi Risau
Kedah

JAWAPAN

DR dapat merasa kerisauan adik

melihatkan apa yang berlaku dalam kancang politik sekarang. Dr empati. Sebagai pelajar dan juga warga negara, adik perlu bersifat rasional dalam membuat pilihan pemimpin.

Pemimpin yang hendak adik pilih adalah pemimpin yang dapat menjalankan tugas dengan amanah, adil dan bijaksana.

Adik boleh menangani politik demokrasi melalui sikap kedewasaan, rasional dan kematangan, bukannya sifat kebudak-budakan. Melalui sikap ini, demokrasi

akan berjalan secara efektif dalam pelaksanaan kehidupan berbangsa dan bernegara. Sikap ini juga dapat mewujudkan masyarakat adil, makmur dan sejahtera.

Untuk adik mencapai politik demokrasi, ia bukan peranan seorang individu saja. Keamanan negara memerlukan kesedaran daripada seluruh elemen masyarakat dengan sentiasa menampilkan sikap dan peri laku santun dalam berdemokrasi.

Kerisauan adik mengenai

senario kekacauan politik negara dan PRU 13 yang akan datang memang ada dasarnya. Dr pun melihat banyak usaha untuk menjatuhkan pemimpin melalui kaedah tidak sihat. Sikap ini tidak baik untuk demokrasi politik.

Untuk mewujudkan suasana berpolitik yang aman, ia perlu disandarkan dengan etika berpolitik sepatutnya dan wajar supaya tidak menimbulkan keresahan dalam kehidupan politik. Dr melihat

pemimpin mempunyai tanggungjawab dan kepercayaan diberikan negara dan rakyat untuk menjamin keamanan, ketertiban dan kelancaran.

Kepercayaan diberi oleh rakyat kepada pemimpin harus dilaksanakan dengan kesungguhan dan keikhlasan hati yang diwujudkan dengan kematangan melaksanakan tugas hingga wujud rasa aman yang menjadi idaman dan harapan seluruh warga rakyat negara ini.

Remaja cintai suami orang

SOALAN

SAJA berusia awal 20-an dan ada sedikit kerunsingan di fikiran. Saya ada berkawan dengan seorang remaja lelaki yang sama umur dengan saya. Saya berkawan baik dengannya.

Pada awal perkenalan, dia memberitahu saya bahawa dia sudah berkahwin dan mempunyai anak kecil. Pada mulanya, saya dan dia hanya mahu berkawan sebagai kawan biasa tapi lama kelamaan, kami jadi suka terhadap diri masing-masing.

Kami jarang berjumpa dan hanya selalu berhubung melalui mesej dan e-mel saja. Saya pernah cuba untuk menjauhkan diri daripada terus berkawan dengannya kerana takut akan menjadi orang ketiga, tapi dia meyakinkan saya bukan begitu.

Dia tahu untuk membahagikan masa untuk keluarga dan masa bersama saya. Saya ingin bertanya, pada pandangan Dr, adakah cara kami berkawan ini salah?

Dari segi agama, adakah saya berdosa kerana berkawan secara bersembunyi dengan suami orang? Pada setiap masa, memang saya rasa bersalah sangat-sangat dengan cara persahabatan ini.

Tapi untuk berhenti daripada berkawan dengannya, saya tidak sanggup melakukannya apatah lagi kehilangannya. Saya buntu.

Gadis Keliru
Pahang

JAWAPAN

REMAJA bercinta bukan suatu perkara yang melanggar fitrah, tetapi perlu diaturkan bagaimana cara bercinta. Cinta itu suatu yang penting diterapkan dalam diri setiap Muslim sehinggalah Nabi s.a.w bersabda bahawa tidak masuk syurga hingga kamu belajar cinta-mencintai antara satu sama lain.

Cinta tidak boleh berdasarkan emosi semata-mata, tetapi mesti ada rasa tanggungjawab. Begitu juga sesuatu perkahwinan. Ia perlu dilandaskan dengan perasaan tanggungjawab dan kepercayaan.

Perhubungan adik dengan suami orang bukan saja membabitkan perasaan dan soal pandai membahagikan masa, tetapi juga tanggungjawab dan kepercayaan.

Apabila adik berkawan dengan suami orang, banyak pertarungannya. Banyak persoalan perlu adik jawab seperti adakah perhubungan ini akan berakhir dengan satu ikatan perkahwinan atau ia hanya bersifat sementara?

Dari segi kepercayaan, adakah kekasih adik bersifat jujur terhadap isterinya dengan memberitahu hubungan kalian berdua? Ia bukan semata-mata soal kekasih boleh membahagikan masa antara adik dengan keluarga, tetapi juga membabitkan kepercayaan dan tanggungjawab diri kekasih sebagai seorang suami. Jika ingin meneruskan

hubungan ini, adik perlu dapat mencari jawapan kepada segala persoalan ini. Apa pun tindakan yang diambil kelak, adik perlu bertanggungjawab di atas segala tindakan itu.

Mengenai persoalan rasa bersalah kerana menjalin hubungan cinta ini, dari segi agama apabila bercinta, sebagai seorang Muslim kita perlu mengelak daripada konteks fizikal atau luaran yang boleh mencetuskan keghairahan seks yang seterusnya menyebabkan berlaku pelanggaran hukum Allah iaitu perzinaan.

Bagi mengelak perzinaan berlaku, panduan Rasulullah perlu dipatuhi. Baginda melarang orang Islam melampau dalam bercinta. Malah baginda menyuruh mereka bercinta kerana Allah iaitu mencintai orang yang dikasihi kerana Allah.

Islam adalah agama yang membawa matlamat cinta. Cinta kepada Allah, cinta kepada rasul, cinta kepada negara dan cinta sesama manusia. Sebab itulah Rasulullah menekankan dalam mendidik anak-anak daripada kecil lagi diterapkan soal cinta. Dalam sebuah hadis, Nabi bersabda, "tanamkan dalam diri anak-anak kamu cintakan Allah, cintakan Rasul, cintakan ahli keluarga Rasulullah dan cintakan membaca al-Quran".